

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/2021**

=====

**LANJUTAN TEMPOH PEMAKAIAN KAEDAH PEMBAYARAN
PREMIUM DAN PREMIUM TAMBAHAN
KE ATAS KELULUSAN PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN DAN
PEMBANGUNAN TANAH DI NEGERI SELANGOR**

1. **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah mengenai pelanjutan tempoh pemakaian Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1/2016 bagi tempoh 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2022 yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 23/2020 pada 24 Jun 2020 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 24/2020 pada 1 Julai 2020.

2. **LATAR BELAKANG**

2.1 Tempoh pemakaian Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) Bilangan 1/2016 mengenai Kaedah Pembayaran Premium dan Premium Tambahan ke atas Kelulusan Permohonan Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah di Negeri Selangor telah tamat pada 31 Disember 2018.

- 2.2 Seterusnya MMKN ke 38/2018 pada 12 Disember 2018 dan disahkan oleh MMKN ke 1/2019 pada 16 Januari 2019 telah meluluskan untuk melanjutkan pemakaian Pekeliling PTGS Bil. 1/2016 bagi tempoh **2 tahun lagi mulai 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2020** dan lanjutan ini telah dinyatakan dalam Pekeliling PTGS Bil. 1/2019.
- 2.3 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 23/2020 pada 24 Jun 2020 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 24/2020 pada 1 Julai 2020 telah bersetuju agar tempoh pemakaian kaedah pembayaran premium dan premium tambahan ke atas kelulusan pemberimilikan dan pembangunan tanah di Negeri Selangor melalui Pekeliling PTGS Bil. 1/2016 dilanjutkan untuk tempoh 2 tahun lagi bermula 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2022.

3. KAEDAH BAYARAN PREMIUM DAN PREMIUM TAMBAHAN

Kaedah bayaran premium dan premium tambahan dikekalkan mengikut Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1/2016.


4. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

- 4.1. Pekeliling ini hendaklah dipatuhi semua Pentadbir Tanah Daerah dan dibaca bersama Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1/2016.

Bil.(1) dlm.PTGS/CR 01/00/2000 Jld.10

4.2. Pekeliling ini berkuatkuasa **serta merta sehingga 31 Disember 2022.**

4.3. Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1/2019 dibatalkan.


(YUSRI BIN ZAKARIAH s.i.s.)
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor
Bertarikh: 26 Januari 2021